

Johnathan kecundang bedilan terakhir

HARIAN METRO

23/9/2017 p.62

Pada tembakan terakhir saya membuat kesilapan, saya gugup”

Johnathan Wong



Subang: Kesilapan tembakan terakhir menghancurkan harapan atlet negara Johnathan Wong untuk merangkul emas acara 50 meter pistol individu lelaki apabila tewas kepada Natphanlert Auapinyakul dari Thailand dengan hanya perbezaan 1.7 mata.

Beraksi di Lapang Sasar Menembak Subang semalam, jurang mata antara Johnathan dan Natphanlert tidak jauh selepas dia membidik 9.6 mata pada tembakan pertama di pusingan akhir ketika lawannya itu mencatat 8.7 mata.

Bagaimanapun kesilapan dilakukan penembak negara berusia 25 tahun itu ke-

rana gugup ketika melakukan tembakan terakhir menyaksikannya mencatat 8.2

mata manakala Natphanlert 8.9 mata untuk rekod baru final Sukan SEA, 225.2 mata keseluruhan.

Johnathan hanya mampu memperbaiki pencapaian gangsa di Singapura dua tahun lalu dengan 223.5 mata.

“Saya tidak melakukan tembakan dengan baik pada awal tapi kemudian bertambah baik sehingga penentuan dua penembak ter-

akhir. Pada tembakan terakhir saya membuat kesilapan, saya gugup apabila dia (Natphanlert) melepaskan tembakan dulu dan kemudian apabila saya dengar jeritan penyokong, saya terus hilang fokus.

“Memang perak ini pencapaian baik tapi sasaran saya untuk mendapatkan emas, sebab kali ini kita bertanding di Malaysia, tapi saya sudah cuba,” katanya.

Pingat gangsa dimenangi atlet Myanmar Kyaw Swar Win dengan 205.2 mata manakala pemenang pingat perak Sukan Olimpik, Hoang Xuan Vinh dari Vietnam tersingkir awal di pusingan akhir.